

15/01/2000

Program kesedaran fahami perjuangan

KUANTAN, Jumaat - Umno akan mengadakan program kesedaran bagi ahlinya untuk meningkatkan kefahaman mengenai perjuangan asal parti seperti yang diarahkan Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata program itu perlu diadakan kerana ketika ini ada ahli Umno kurang memahami perjuangan Umno sebenarnya.

Menurutnya, kekurangan kefahaman parti menyebabkan banyak amalan negatif berlaku, seperti 'cantas-mencantas' sehingga berlaku pergeseran dan perpecahan.

"Amalan seperti ini adalah hasil pergeseran yang wujud antara kelompok tertentu dan ini menunjukkan mereka terbabit tidak mengutamakan parti.

"Sekiranya semua ahli kembali kepada perjuangan asal Umno dan meningkatkan rasa setia terhadap parti, masalah pergeseran tidak berlaku," katanya selepas majlis sambutan Aidilfitri bersama mangsa bencana alam di Kampung Che Let, Beserah, di sini.

(END)